

## **Punca Penyelewengan Ajaran Mustapha Salleh di Marang, Terengganu**

Mohd. Safri Ali  
Mohd Fauzi Hamat  
Basri Ibrahim  
Mohd Shahril Othman

### **Abstrak**

Artikel ini bertujuan menganalisis punca penyelewengan ajaran Mustapha Salleh yang terdapat di daerah Marang, Terengganu. Ajaran ini disahkan sebagai menyeleweng oleh Pejabat Agama Daerah Marang iaitu pihak berkuasa agama yang mengurus kes ini. Terdapat dua isu yang diketengahkan dalam artikel ini. Pertama, adakah punca penyelewengan itu berpunca daripada tarekat Martabat Tujuh *Wahdah al-Wujud*? Kedua, adakah penyelewengan itu berpunca daripada kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Mustapha Salleh? Berdasarkan dapatan kajian, dapat disimpulkan bahawa punca penyelewengannya hanya pada kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Mustapha Salleh, bukannya berpunca daripada tarekat Martabat Tujuh *Wahdah al-Wujud* yang sebenar. Secara lebih khusus, dia mendakwa bahawa Nabi Muhammad s.a.w. sebagai seorang yang bodoh dan penipu, dan solat adalah tidak wajib. Akhirnya, analisis terhadap kenyataan-kenyataan ini dilakukan bersandarkan kepada hujah-hujah ulama muktabar.

Kata kunci: Terengganu; ajaran menyeleweng; *wahdah al-wujud*; bodoh dan penipu; solat.

### **Abstract**

*The aim of this article is to analyse the roots of the deviation of Mustapha Salleh's teaching that is found in the district of Marang, Terengganu. The teaching is confirmed as deviant by the District Religious Department of Marang, Terengganu as the religious authority which manages this case. There are two questions for this paper. First question, what is the cause of deviancy comes from the practices of the tarekat Martabat Tujuh Wahdah al-Wujud. Secondly, is it the statements made by Mustapha Salleh are the origins for the deviancy teaching? According to the study and based on the study of documents and interviews, this article concludes that the root of the deviant teaching is solely derived from the Mustapha Salleh statements' and not from the tarekat Martabat Tujuh Wahdah al-wujud itself. In specific, Mustapha Salleh claims that Prophet Muhammad SAW as a stupid swindler and solat is not mandatory. Finally, analyses of the statements are made based on the arguments of authentic scholars.*

*Keywords: Terengganu; deviant teaching; wahdah al-wujud; ummi; solat.*

---

### **Pendahuluan**

Ajaran Mustapha Salleh disahkan oleh Pejabat Agama Daerah (PAD) Marang, Terengganu sebagai suatu ajaran yang menyeleweng dalam aspek pegangan dan amalan. Ajaran ini pernah dibincangkan oleh beberapa orang wakil rakyat dalam sesi Dewan Undangan Negeri Terengganu yang bersidang pada 3 dan 4 Disember 1991. Berasaskan kepada senario ini, maka artikel ini bermaksud mendedahkan beberapa ajaran yang dipegang dan diamalkan oleh Mustapha Salleh sehingga

disahkan sebagai menyeleweng. Artikel ini turut mendedahkan perihal tarekat Martabat Tujuh yang diakui oleh Mustapha Salleh sebagai tarekat yang menjadi ikutannya. Ini diikuti dengan kenyataan-kenyataan menyeleweng yang dikeluarkannya dan hujah-hujah daripada ulama muktabar sebagai menjawab kenyataan itu. Akhirnya disudahi dengan kesimpulan.

### Tarekat Martabat Tujuh

Meneliti kepada pengakuan yang diperoleh melalui laporan sulit daripada PAD Marang, Mustapha Salleh mengakui beramal dengan amalan tarekat Martabat Tujuh. Menurut Abdolfatah (1980, 45-48), Martabat Tujuh terdiri daripada tujuh peringkat iaitu:

1. *Ahadiyyah*  
Merujuk kepada martabat zat yang kadim dan azali tetapi masih belum nyata sifat dan afalnya kerana tiada sesuatu bersamanya.
2. *Wahdah*  
Martabat Allah iaitu martabat nyata yang pertama dalam bentuk ijmal seperti langit dan bumi yang nyata tetapi belum zahir secara nyata lagi.
3. *Wahidiyyah*  
Martabat nyata yang kedua. Pada tahap ini semua makhluk telah nyata dalam ilmu Allah sama ada zat-Nya dan segala yang maujud.
4. Alam arwah  
Merupakan kewujudan secara nyata yang terbit daripada kehendak Allah.
5. Alam *mithal*  
Dikenali sebagai alam hati yang sangat halus.
6. Alam *ajsam*  
Martabat alam yang dipandang seperti tanah, air, api, udara, binatang, batu, tumbuhan dan manusia.
7. Alam insan  
Martabat manusia yang zahir daripada kalimah *kun* ertinya jadilah engkau. *Fayakun* bermaksud maka jadilah ia. Di sinilah ternyata nama Allah s.w.t. *al-Jami* iaitu yang menghimpunkan segala-galanya.

Syeikh Daud al-Fathani, sebagaimana dicatatkan oleh Wan Mohd. Saghir (1992, 63), mengakui bagi sesiapa yang ingin mengamalkan tasawuf melalui tarekat Martabat Tujuh perlu menuruti peringkat atau marhalah berkenaan. Ini adalah untuk mengelakkan kekaburan dalam amalan tarekat tersebut. Tanpa melalui marhalah-marhalah itu, pengamalannya boleh terjerumus ke lembah mulhid dan kufur. Oleh yang demikian, Syeikh Daud al-Fathani mencadangkan, seseorang yang baru mengenali martabat *wahdah* dan masih belum sempurna peningkatan ilmunya, seyogianya tidak bercakap tentang martabat *wahidiyyah*. Ini kerana pada peringkat ini, seseorang itu masih melihat makhluk yang maujud dan belum melihat Allah yang maujud dalam segala-galanya. Lantaran itu, adalah salah untuk menyebutkan 'dirinya dan sekalian makhluk adalah Dia (Allah)'. Jika disebutkan juga, maka individu tersebut boleh dihukum sebagai mulhid dan kafir. Oleh itu, bagi mengelakkan kekaburan dalam amalan Martabat Tujuh, pengajian secara mendalam mengenainya adalah dituntut bagi mengelakkan seseorang itu daripada terseret ke lembah mulhid dan kufur.

Hasil temu bual dengan Mustapha Salleh (21 April 2010) mendapati bahawa dia memahami dan mengamalkan tarekat Martabat Tujuh selaras dengan kenyataan yang disebutkan di atas. Justeru, berasaskan kepada kenyataan tersebut, adalah sukar untuk membuktikan bahawa Mustapha Salleh tersilap memahami tarekat Martabat Tujuh. Dia menyatakan bahawa amalan yang sering dilakukan adalah berbentuk alunan zikir *La ilaha illa Allah* secara kuat sahaja. Di samping itu, amalan tarekat Martabat Tujuh turut diaplikasikan melalui binaan rumahnya sebanyak tujuh tingkat. Tingkat paling atas dijadikan sebagai ruang untuk berkhawat dan beribadat bersendirian.

Hasil temu bual juga mendapati bahawa terdapat dua kenyataannya yang berbeza daripada pegangan *ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Pertama, dia menyatakan bahawa Nabi Muhammad s.a.w. seorang yang bodoh dan penipu. Kedua, dia menyatakan bahawa solat adalah tidak wajib. Artikel ini membincangkan kedua-dua kenyataan ini bersandarkan hujah-hujah daripada ulama yang muktabar.

### **Nabi Muhammad Bodoh dan Penipu**

Menurut Mustapha Salleh, kenyataannya bahawa Nabi Muhammad s.a.w. seorang yang bodoh dan penipu adalah berlandaskan dalil al-Quran yang menyebutkan bahawa baginda seorang *al-ummi* yang bermakna buta huruf. Pada tanggapannya, seseorang yang buta huruf merupakan seorang yang bodoh kerana tidak tahu membaca.

Dakwaannya yang menyatakan bahawa Nabi Muhammad s.a.w. seorang penipu pula adalah berlandaskan kepada peristiwa perletakan *hajar al-aswad* selepas Kaabah dirobohkan oleh bangsa Arab. Menurutnya, Rasulullah s.a.w. meminta agar batu itu diletakkan di atas sehelai kain dan menganjurkan setiap pemimpin Arab Mekah memegang bucu kain sebagai isyarat semua sekali mengangkat batu itu. Selepas itu, baginda sendiri yang meletakkan batu berkenaan di penjuru Kaabah, bukannya orang-orang Arab itu. Bagi Mustapha Salleh, perbuatan Rasulullah s.a.w. ini dianggap sebagai menipu.

### **Solat Tidak Wajib**

Mustapha Salleh dalam temu bual bersamanya (21 April 2010) menyatakan bahawa dia telah menunaikan solat dan beramal dengan amalan syariat semenjak sekian lama. Bagi dirinya yang telah banyak melakukan amalan berzikir, perbuatan tersebut sudah memadai dijadikan pengganti kepada solat. Tambahan pula dia sentiasa mengingati Allah s.w.t. melalui zikir nafas yang dihelanya sepanjang masa selama 24 jam. Berzikir dengan cara ini juga membuktikan bahawa kerinduannya kepada Allah s.w.t. tidak pernah padam. Oleh kerana itu solat baginya hanyalah amalan bagi golongan yang baru ingin mengenali Allah s.w.t., kerana golongan ini perlu dikejutkan pada setiap masa. Antaranya ialah dengan menunaikan solat, sedangkan bagi orang yang telah mengenali Allah dan berzikir sepanjang masa seperti dirinya, ingatan kepada Allah tidak terbatas kepada waktu solat sahaja. Maka, dia menyimpulkan bahawa solat tidak wajib dilaksanakan. Apabila diteliti kepada kedua-dua kenyataan yang dikemukakan, dapat disimpulkan bahawa kenyataan-kenyataan itu bukan menjadi pegangan umat Islam, malahan bertentangan dengan pegangan dan pandangan ulama *ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*.

### **Pandangan Ulama Tentang Sifat *al-Ummi* dan *al-Fatanah***

Sebagaimana dinyatakan di atas, Mustapha Salleh mempertikaikan sifat bijaksana dan amanah Nabi Muhammad s.a.w. dengan menyatakan bahawa baginda disifatkan sebagai seorang yang bodoh dan penipu. Dalam kenyataan lisannya, Nabi s.a.w. disifatkannya sebagai seorang yang bodoh kerana Allah s.w.t. sendiri yang mengesahkan baginda sebagai buta huruf (*al-ummi*) di dalam al-Quran, sedangkan, rasul-rasul yang lain tidak didedahkan sedemikian. Ini membuktikan Rasulullah s.a.w. adalah seorang yang bodoh sedangkan nabi-nabi yang lain tidak bodoh.

Muhammad Fu'ad (1988, 103) menghimpunkan dua ayat yang merujuk kepada perkataan *al-ummi* iaitu dalam surah al-'Araf, ayat 157-158, manakala perkataan *ummiyyun* hanya terdapat dalam surah al-Baqarah, ayat 78. Kalimah *al-ummiyyin* pula terdapat dalam surah Ali 'Imran, ayat 20 dan 75, serta surah al-Jumu'ah, ayat dua. Ayat yang merujuk kepada *al-ummi* adalah firman Allah s.w.t. sebagaimana berikut:

الَّذِينَ يَتَّبِعُونَ الرَّسُولَ النَّبِيَّ الْأُمِّيَّ الَّذِي يَجِدُونَهُ مَكْتُوبًا عِنْدَهُمْ فِي التَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ يَأْمُرُهُمْ  
بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاهُمْ عَنِ الْمُنْكَرِ وَمَجْلُ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَمُحْرَمٌ عَلَيْهِمُ الْخَبَائِثُ وَيَضَعُ عَنْهُمْ إِصْرَهُمْ

وَالْأَعْلَلِ الَّتِي كَانَتْ عَلَيْهِمْ ۖ فَالَّذِينَ ءَامَنُوا بِهِ ۖ وَعَزَّرُوهُ وَنَصَرُوهُ وَأَتَّبَعُوا النُّورَ الَّذِي أُنزِلَ مَعَهُ ۗ  
أُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٥٧﴾ قُلْ يَتَّبِعُنَا النَّاسُ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ جَمِيعًا الَّذِي لَهُ مُلْكُ  
السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ۗ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ يُحْيِي ۖ وَيُمِيتُ ۗ فَآمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ الَّذِي يُؤْمِنُ بِاللَّهِ  
وَكَلامِهِ ۗ وَاتَّبِعُوهُ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٥٨﴾

Maksudnya:

laitu orang-orang yang mengikut Rasulullah (Muhammad) nabi yang *ummi*, yang mereka dapati tertulis (namanya dan sifat-sifatnya) di dalam Taurat dan Injil yang ada di sisi mereka. Ia menyuruh mereka dengan perkara-perkara yang baik, dan melarang mereka daripada melakukan perkara-perkara yang keji; dan ia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik, dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk; dan ia juga menghapuskan dari mereka beban-beban dan belunggu-belunggu yang ada pada mereka. Maka orang-orang yang beriman kepadanya, dan memuliakannya, juga menolongnya, serta mengikut nur (cahaya) yang diturunkan kepadanya (al-Quran), mereka itulah orang-orang yang berjaya. Katakanlah (wahai Muhammad): "Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya aku adalah pesuruh Allah kepada kamu semuanya, (diutus oleh Allah) yang menguasai langit dan bumi, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; yang menghidupkan dan mematikan. Oleh itu, berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, nabi yang *ummi*, yang beriman kepada Allah dan kalimah-kalimah-Nya (kitab-kitab-Nya); dan ikutlah dia, supaya kamu beroleh hidayah petunjuk".

(al-'A'raf: 157-158)

Kalimah *ummiyyun* pula, terdapat dalam firman Allah s.w.t.:

وَمِنْهُمْ أُمِّيُونَ لَا يَعْلَمُونَ الْكِتَابَ إِلَّا أَمَانِي وَإِنَّهُمْ إِلَّا يَظُنُّونَ ﴿٧٨﴾

Maksudnya:

Dan di antara mereka pula ada orang-orang yang buta huruf, mereka tidak mengetahui akan isi Kitab Taurat selain dari penerangan-penerangan bohong (dari ketua-ketua mereka), dan mereka hanyalah berpegang kepada sangkaan-sangkaan sahaja.

(al-Baqarah: 78)

Akhirnya, kalimah *ummiyyin* terdapat dalam firman Allah s.w.t. seperti berikut:

فَإِنْ حَاجُّوكَ فَقُلْ أَسْلَمْتُ وَجْهِيَ لِلَّهِ وَمَنِ اتَّبَعَنِ ۗ وَقُلْ لِلَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ وَالْأُمِّيِّينَ ءَأَسْلَمْتُمْ ۗ فَإِنْ  
أَسْلَمُوا فَقَدِ اهْتَدَوْا ۗ وَإِنْ تَوَلَّوْا فَإِنَّمَا عَلَيْكَ الْبَلْغُ ۗ وَاللَّهُ بِصِرِّ الْعِبَادِ ﴿٢٠﴾

Maksudnya:

Oleh sebab itu jika mereka berhujah (menyangkal dan) membantahmu (wahai Muhammad), maka katakanlah: "Aku telah berserah diriku kepada Allah dan demikian juga orang-orang yang mengikutku." Dan bertanyalah (wahai Muhammad) kepada orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberi kitab, dan orang-orang yang *ummi* (orang-orang musyrik Arab): "Sudahkah kamu mematuhi dan menurut (agama Islam yang aku bawa itu)?" Kemudian jika mereka memeluk Islam, maka sebenarnya mereka telah memperoleh petunjuk; dan jika mereka berpaling (tidak mahu menerima Islam), maka sesungguhnya kewajipanmu hanyalah menyampaikan (dakwah Islam itu). Dan (ingatlah), Allah sentiasa melihat (tingkah laku) sekalian hamba-Nya.

(Ali 'Imran: 20)

Firman Allah s.w.t. lagi:

﴿ وَمَنْ أَهْلَ الْكِتَابِ مَنْ إِنْ تَأْمَنَهُ بِقِنطَارٍ يُؤَدِّهِ إِلَيْكَ وَمِنْهُمْ مَنْ إِنْ تَأْمَنَهُ بِدِينَارٍ لَّا يُؤَدِّهِ إِلَيْكَ إِلَّا مَا دُمَّتْ عَلَيْهِ قَائِمًا ۗ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا لَيْسَ عَلَيْنَا فِي الْأُمِّيِّينَ سَبِيلٌ وَيَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴾

Maksudnya:

Dan di antara ahli kitab, ada orang yang kalau engkau amanahkan dia menyimpan sejumlah besar harta sekalipun, ia akan mengembalikannya (dengan sempurna) kepadamu, dan ada pula di antara mereka yang kalau engkau amanahkan menyimpan sedinar pun, ia tidak akan mengembalikannya kepadamu kecuali kalau engkau selalu menuntutnya. Yang demikian itu ialah kerana mereka mengatakan: "Tidak ada jalannya kami menanggung dosa mengenai orang-orang yang *ummi* dan, mereka pula selalu berkata dusta terhadap Allah sedang mereka mengetahui (bahawa mereka adalah berdusta)."

(Ali `Imran: 75)

Firman Allah s.w.t. lagi:

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمِّيِّينَ رَسُولًا مِنْهُمْ يَتْلُو عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِنْ قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿٢﴾

Maksudnya:

Dialah yang telah mengutuskan dalam kalangan orang-orang (Arab) yang *ummiyyin*, seorang rasul (Nabi Muhammad s.a.w.) dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaan-Nya), dan membersihkan mereka (dari iktikad yang sesat), serta mengajarkan mereka Kitab Allah (al-Quran) dan hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum syarak). Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata.

(al-Jumu`ah: 2)

Al-Raghib al-Asfahani (1992, 78) memberi makna perkataan *al-ummi* sebagai orang yang tidak tahu menulis dan membaca buku (kitab). Namun, apabila kalimah ini disandarkan kepada Nabi s.a.w., kalimah itu menjadi satu kelebihan yang diberikan kepadanya. Ini disebabkan baginda tidak perlu memelihara *Kitabullah*. Sebaliknya, kitab itu mendapat jaminan akan dipelihara oleh Allah s.w.t. dan Dia akan mengingatkan Rasulullah s.a.w. agar tidak lupa.

Dalam tafsirnya, al-Tabari (2000, 161-163) menyatakan, *al-ummi* merupakan petanda Nabi akhir zaman yang diutus oleh Allah s.w.t.. Hal ini didedahkan kepada bangsa Yahudi melalui Nabi Musa a.s.. Tujuannya adalah untuk mengelakkan bangsa Yahudi menjadi kufur. Justeru, kalimah *al-ummi* menjadi identiti keagungan Nabi Muhammad s.a.w. dan umat yang beriman kepada baginda.

Al-Qurtubi (1988, 4: 190) mentafsirkan perkataan *ummi* dalam ayat di atas sebagai tidak tahu menulis, membaca dan mengira. Walau bagaimanapun, sifat ini bagi Nabi Muhammad s.a.w. membuktikan kebenaran janji Allah s.w.t. yang disampaikan kepada nabi-nabi sebelumnya. Sifat ini memudahkan masyarakat untuk menerima dakwah yang disampaikan disebabkan ramai dalam kalangan mereka buta huruf sama seperti sifat Nabi s.a.w., bahkan yang pentingnya, sifat ini membuktikan dakwah baginda bukan direka melalui ungkapan kata-kata hikmat ataupun dibaca daripada kitab-kitab yang terdahulu (al-Qurtubi 1988, 7: 60-61).

Al-Zamakhshary (1997, 70) mengemukakan pandangan yang hampir sama dengan pandangan *ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah*, iaitu *al-ummi* merupakan satu mukjizat bagi Nabi s.a.w.. Meskipun baginda tidak tahu membaca, menulis dan mengira, kandungan al-Quran membuktikan kebijaksanaan baginda menjangkau bijak pandai pada waktu itu. Hal ini sekaligus menunjukkan al-

Quran adalah wahyu Allah s.w.t. dan Muhammad s.a.w. adalah pesuruh-Nya tanpa diragui sedikit pun sebagaimana firman Allah s.w.t.:

وَمَا كُنْتَ تَتْلُوا مِنْ قَبْلِهِ مِنْ كِتَابٍ وَلَا تَخُطُّهُ بِيَمِينِكَ إِذًا لِآرْتَابِ الْمُبِطُونَ ﴿٤٨﴾

Maksudnya:

Dan engkau (wahai Muhammad) tidak pernah tahu membaca sesebuah kitab pun sebelum turunnya al-Quran ini, dan tidak pula tahu menulisnya dengan tangan kananmu; (kalaulah engkau dahulu pandai membaca dan menulis) tentulah ada alasan bagi orang-orang kafir yang menentangmu akan merasa ragu-ragu (tentang kebenaranmu).

(al-'Ankabut: 48)

Dari sini dapat disimpulkan, *al-ummi* merupakan satu sifat istimewa bagi Nabi Muhammad s.a.w.. Sifat ini merupakan satu petanda yang pernah didedahkan kepada umat-umat terdahulu tentang kedatangan nabi yang terakhir. Al-Buti (1980, 66) mendedahkan pengislaman `Abd Allah bin Salam dan Salman al-Farisi adalah berpunca daripada pengetahuan mereka tentang perutusan nabi akhir zaman melalui kitab Injil, penyampaian para rahib dan ulama ahli kitab mengenainya. Meskipun baginda tidak tahu membaca dan menulis, namun al-Quran yang disampaikan mengatasi ilmu pengetahuan manusia sekaligus membuktikan baginda adalah seorang rasul, dan al-Quran merupakan mukjizat yang lahir daripada seorang nabi yang bersifat *al-ummi*.

Mustapha Salleh turut mendakwa bahawa Rasulullah s.a.w. melakukan penipuan dalam peristiwa mengembalikan *Hajar al-Aswad* ke lokasi asalnya. Menurut Ibn al-Athir (1995, 571-573), Kaabah dibina dengan struktur batu-batu yang besar. Apabila pencuri memasuki Kaabah dan melarikan dua patung kijang emas daripada bumbungnya, maka orang-orang Arab berhasrat membinanya semula dengan meletakkan atap pada bahagian bumbung. Oleh itu, Kaabah terpaksa diruntuhkan. Setelah Kaabah siap, berlaku pertelagahan untuk meletakkan *Hajar al-Aswad* ke posisinya yang asal. Namun, pertelagahan itu dapat ditamatkan apabila Rasulullah s.a.w. dilantik sebagai hakim. Akhirnya, baginda menghamparkan sehelai kain dan meminta setiap pemimpin kabilah Arab memegang hujungnya untuk membawa *Hajar al-Aswad*. Apabila batu berkenaan sampai ke lokasinya, baginda meletakkan batu tersebut ke posisinya yang asal.

Al-Nadawi (1987, 36-38) menegaskan bahawa tindakan Nabi s.a.w. itu sebagai satu tindakan yang bijaksana kerana berjaya menghindari pertumpahan darah dalam kalangan suku Arab. Sekiranya Nabi s.a.w. tidak bersifat bijaksana, Seyyed Hossein Nasr (1993, 11) menyatakan, sudah pasti baginda meminta bantuan daripada suku kaum lain. Hal ini akan mengundang rasa cemburu dan iri hati daripada suku lain yang boleh mengundang pertumpahan darah dan peperangan sebagaimana lazimnya berlaku dalam etnik Arab. Sebaliknya, dengan sifat *fatamah* (bijaksana) yang dimiliki, walaupun belum dilantik menjadi rasul (Ibn Athir 1995, 571), baginda berjaya menyelesaikan kemelut yang dihadapi oleh bangsa Arab ketika itu sehingga keamanan dapat dikekalkan dan *Hajar al-Aswad* berada di lokasinya di penjuru Kaabah. Inilah kehebatan dan keistimewaan yang dimiliki oleh baginda (Seyyed Hossein Nasr 1993, 11).

Menurut Ibn Kathir (1996, 9), misi para nabi adalah mentauhidkan Allah, memberi hidayah kepada manusia sejagat dan menyelamatkan manusia daripada kesesatan dan syirik. Dalam menjayakan misi ini, mereka terpaksa berhadapan dengan pelbagai bencana dan ujian. Justeru, tugas dan cabaran yang berat seperti ini hanya mampu dipikul oleh seseorang yang dipilih oleh Allah. Oleh itu, menurut al-Buti (1980, 63), seperti juga para rasul yang lain, Rasulullah s.a.w. disediakan oleh Allah s.w.t. dengan sifat *'ismah* supaya manusia lebih yakin kepada wibawa risalah yang dibawanya. Perkataan *'ismah* dinyatakan oleh al-Mutrifi (t.th., 31) sebagai pembersihan dan pemeliharaan daripada Allah s.w.t. ke atas para nabi daripada terjerumus ke kancah dosa sama ada sebelum ataupun selepas mereka diutus sebagai rasul.

Menurut Muhammad Na'im Yasin (t.th., 53-54), sekiranya seseorang nabi pernah melakukan sesuatu yang keji seperti menipu sama ada dalam urusan agama ataupun dunia, sebelum

ataupun sesudah dilantik menjadi nabi, nescaya isu itu akan dieksploitasi oleh musuh-musuhnya bagi menolak risalah yang dibawanya. Oleh itu, seseorang nabi sentiasa mendapat pemeliharaan daripada Allah s.w.t. dan terhindar daripada melakukan perbuatan keji sama ada dalam perbuatan ataupun pertuturan seperti menipu.

Al-Sabuni (1997, 58) pula menyatakan, seseorang yang mempunyai sifat keji seperti menipu sudah tentu dikategorikan sebagai cacat maruah. Sekiranya begitulah situasinya bagi manusia biasa, maka adakah menipu wajar disandarkan kepada seseorang nabi yang dipilih oleh Allah s.w.t.? Justeru, pertuturan dan tindakan yang benar bagi seorang nabi itu merupakan satu sifat yang wajib bagi dirinya.

Menurut Abi al-'Iz (1986, 187), sekiranya tindakan seseorang nabi boleh dinyatakan sebagai penipuan maka seluruh urusan agama seperti ibadat, muamalat, halal dan haram, dan menasakhkan syariat terdahulu merupakan suatu penipuan. Persoalannya, adakah urusan yang sepenting ini, dibiarkan oleh Allah s.w.t. untuk nabi itu mencipta dan mereka-reka perkara yang tidak betul. Justeru, mustahil seseorang nabi itu menipu di hadapan Allah s.w.t., bahkan seorang nabi wajib bersifat benar dalam tindakan dan pertuturannya sebagaimana juga dalam urusan perletakan *Hajar al-Aswad* ini.

Walau bagaimanapun, al-Iji (1988, 288) mengandaikan, jika penipuan itu berlaku disebabkan terlalai, terlupa ataupun terlepas cakap dan hal itu tidak menjejaskan aspek kerasulan dan mukjizat, maka perbuatan itu tidak boleh dikategorikan sebagai menipu. Sebaliknya, hal itu berlaku disebabkan, mereka juga adalah manusia biasa. Justeru, penipuan secara tidak sengaja itu hukumnya adalah harus. Ini disebabkan nabi juga seorang manusia.

Meskipun begitu, al-Bayjuri (t.th., 122) menegaskan dalam percakapan biasa aspek pembohongan secara tidak sengaja boleh terjadi seperti beliau berkata, "Zayd berdiri dan Umar duduk." Percakapan seperti ini adalah perbuatan biasa dan bukan merupakan hukum syarak. Bahkan, itu cuma perkehabarnya sahaja dan tidak termasuk dalam akuanannya sebagai seorang rasul. Walau bagaimanapun, jika diamati secara mendalam lagi, seseorang nabi juga mempunyai sifat amanah dan jujur. Sifat-sifat ini sentiasa mendorongnya berlaku benar dalam segenap tindakan.

Menurut al-Qurtubi (1988, 6: 169), kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh para nabi merupakan suatu kebaikan jika disandarkan kepada manusia biasa. Oleh kerana status dan martabat para nabi amat tinggi, maka kesalahan yang kecil dikira sebagai suatu keburukan. Padahal, Allah s.w.t. telah mengampunkan, menyucikan, memilih dan melantik mereka ke darjat yang paling agung dalam kalangan manusia sehingga kesalahan yang kecil sekalipun dikira sebagai kejahatan sedangkan mereka bukan begitu. Ini disebut oleh Syaikh al-Junayd. "*hasanat al-abrar saiyyi'at al-muqarrabin*" untuk menunjukkan betapa sucinya para nabi.

Oleh itu, tindakan Nabi s.a.w. menyelesaikan pertikaian dalam peristiwa perletakan *Hajar al-Aswad* di penjuru Kaabah bukan satu penipuan sebagaimana didakwa oleh Mustapha Salleh. Tetapi, perbuatan itu merupakan satu tindakan yang bijaksana sehingga dapat mengelakkan berlakunya pertumpahan darah sesama kabilah Arab. Lagipun, Rasulullah s.a.w. terpelihara daripada elemen yang keji seperti menipu.

## Pandangan Ulama Tentang Kewajipan Solat

Daripada aspek hukum syarak, solat wajib ditunaikan oleh setiap orang Islam yang mukallaf dan menjadi salah satu daripada rukun Islam. Hal ini tidak dapat disangkal lagi apabila diteliti kepada nas-nas daripada al-Quran dan sabda Nabi s.a.w.. Di dalam al-Quran, Allah s.w.t. berfirman:

فَإِذَا قُضِيَتْهُ الصَّلَاةُ فَادْكُرُوا اللَّهَ قِيَمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِكُمْ ۚ فَإِذَا اطْمَأْنَنْتُمْ فَأَقِيمُوا

الصَّلَاةَ ۚ إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ ۖ كِتَابًا مَّوقُوفًا ﴿٢٣٨﴾

Maksudnya:

Kemudian apabila kamu telah selesai mengerjakan sembahyang, maka hendaklah kamu menyebut dan mengingati Allah semasa kamu berdiri atau duduk, dan semasa kamu berbaring. Kemudian

apabila kamu telah merasa tenteram (berada dalam keadaan aman) maka dirikanlah sembahyang itu (dengan sempurna sebagaimana biasa). Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya.

(al-Nisa': 103)

Sehubungan dengan itu juga, Rasulullah s.a.w. bersabda:

بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ شَهَادَةٍ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ وَحَجِّ الْبَيْتِ وَصَوْمِ رَمَضَانَ

Maksudnya:

Islam itu dibina di atas lima perkara; mengakui tiada Tuhan selain Allah dan Muhammad adalah hamba dan rasul-Nya, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, mengerjakan haji dan berpuasa di bulan Ramadan.

(Muslim 2000: 684)

Hadith ini membuktikan ibadat solat merupakan salah satu daripada rukun Islam yang wajib didirikan oleh setiap individu muslim. Meskipun, solat termasuk dalam bidang fiqh, sebilangan ulama khususnya dalam kalangan ulama hadith seperti Muslim, al-Nasa'i dan Ibn Majah menyusun solat dalam tajuk iman. Daripada penyusunan itu, dapat difahami ibadat solat itu mempunyai ikatan yang erat dengan iman seseorang. Sebagai contohnya, ialah hadith berikut ini disusun dalam bab iman. Sabda Nabi s.a.w.:

أُمِرْتُ أَنْ أَقَاتِلَ النَّاسَ حَتَّى يَشْهَدُوا أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ فَإِذَا فَعَلُوا عَصَمُوا مِنِّي دِمَاءَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ إِلَّا بِحَقِّهَا وَحَسَابُهُمْ عَلَى اللَّهِ

Maksudnya:

Aku diperintahkan untuk memerangi manusia sehinggalah mereka menyaksikan bahawa tiada Tuhan selain daripada Allah dan Muhammad itu adalah pesuruh Allah, mereka mendirikan solat, menunaikan zakat. Apabila mereka melakukan semua itu, maka terselamat darah dan harta benda mereka kecuali yang bersangkutan dengan haknya, dan urusannya terserahlah kepada Allah.

(Muslim 2000: 685)

Menyedari betapa pentingnya solat bagi seseorang muslim, al-Nawawi (t.th., 18-20) menyatakan, seseorang yang meninggalkan solat kerana mengingkari kewajibannya, boleh dijatuhkan hukuman hudud sebagaimana kesalahan jenayah murtad. Walaupun pesalah itu tidak dihukum sebagai kafir kerana meninggalkan solat tersebut tetapi meninggalkan solat merupakan satu jenayah terhadap Islam kerana melewati batasan dan ketetapan Allah s.w.t.. Maka, hukuman pancung dengan pedang merupakan hukuman yang paling munasabah terhadap kesalahan seperti itu.

Selain itu, Ibn Hajar (1470H, 7) menyatakan, orang-orang Islam dilarang daripada meniru perbuatan orang-orang musyrikin. Antaranya ialah sengaja meninggalkan solat. Walaupun, seorang muslim yang meninggalkan solat tidak dihukum sebagai seorang musyrik tetapi perbuatannya meninggalkan solat adalah dosa besar kerana menyerupai perbuatan orang musyrik. Tambahan pula, ibadat solat merupakan satu ibadat utama dalam Islam dan mempunyai kaitan langsung dengan tauhid seseorang.

## Kesimpulan

Penyelewengan ajaran yang dibawa oleh Mustapha Salleh didapati tidak mempunyai kaitan dengan tarekat Martabat Tujuh. Walaupun bentuk tarekat berkenaan difahaminya, namun dia gagal menonjolkannya secara pasti apabila diminta menjelaskannya secara tepat. Meskipun diakuiinya bahawa berzikir secara kuat dan binaan rumahnya sebanyak tujuh tingkat merupakan aplikasi terhadap tarekat Martabat Tujuh yang diamalkan, namun kenyataan-kenyataan mengelirukan yang dikeluarkannya seperti menyatakan Nabi s.a.w. merupakan seorang yang bodoh dan penipu, adalah berpunca daripada silap tanggapan dan fahamannya sendiri. Oleh itu, sebarang bentuk halangan dan tindakan yang akan diambil wajar dimulakan dengan usaha-usaha nasihat dan teguran agar kenyataan-kenyataan keliru tidak lagi dikeluarkan olehnya. Pada masa yang sama, pemantauan yang berterusan perlu diusahakan oleh pihak berwajib. Sebarang tindakan perundangan, hendaklah berasaskan kepada fakta dan bukti yang lengkap khasnya dalam permasalahan yang dikaitkan dengan penyelewengan akidah dan syariat seseorang muslim.

## Rujukan

- Abi al-'Iz, 'Ali ibn 'Ali. 1986. *Syarh al-Tahawiyah fi al-'Aqidah al-Salafiyah*. Jil.1. Ulang cetak. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.
- Abdolfatah bin Ibrahim. 1980. *Pencemaran Akidah di Kalangan Masyarakat Islam Semenanjung dan Kaitannya dengan Martabat Tujuh*. Bangi: Penerbit UKM.
- al-Bayjuri, Ibrahim ibn Muhammad. t.th. *Jawharah al-Tawhid*. Kaherah: Matba'ah al-Istiqamah.
- al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan. 1980. *Fiqh al-Sirah*. Ulang cetak. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Ibn al-Athir, 'Ali ibn Muhammad Abi al-Hassan. 1995. *Al-Kamil fi al-Tarikh*. Jil.1. Ulang cetak. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Hajar al-'Asqalani, Ahmad ibn 'Ali. 1407H. *Fath al-Bari*. Jil. 2. Ulang cetak. Kaherah: Dar al-Matba'ah al-Salafiyah.
- Ibn Kathir, Abi al-Fida' Isma'il. 1996. *Qasas al-Anbiya'*. Ulang cetak. Beirut: Dar al-Jayl.
- al-Iji, 'Abd al-Rahman. 1998. *Syarh al-Mawaqif*. Jil. 4. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Mohd Safri Ali. 2011. Isu-isu akidah di Terengganu: Kajian penyata rasmi DUN Terengganu dari tahun 1986 hingga 1996. Tesis Dr. Fal. Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi. 1988. *Al-Mu'jam al-Mufharas li Alfaz al-Qur'an*. Ulang cetak. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Muhammad Na'im Yasin. t.th. *Al-Iman Arkanuh, Haqiqatuh, Nawaqiduh*. Kaherah: Dar al-Tawzi' wa al-Nasyr al-Islamiyyah.
- Muslim bin al-Hajjaj Abi al-Husayn Muslim al-Qusyayri. 2000. "Sahih muslim, kitab al-iman", Dlm. Salih bin 'Abd al-'Aziz (pnyt.), *Mawsu'ah al-Hadith al-Syarif al-Kutub al-Sittah*. Ulang cetak. Riyadh: Dar al-Salam.
- Mustapha Salleh. 2010. Temu bual, 21 April.
- al-Mutrifi, 'Uwayd ibn 'Iyad ibn 'Ayid. t.th. *Ayat 'Ittaba'a al-Mustafa Salla Allah 'Alayh wa Sallam fi Daw' al-'Ismah wa al-Jihad*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- al-Nadawi, Abu al-Hassan 'Ali. 1987. *Sirah Khatam al-Nabiyyin Salla Allah wa Sallam 'Alayh*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- al-Nawawi, Muhy al-Din bin Syaraf. t.th. *Kitab al-Majmu' Syarh al-Muhadhdhab li al-Syirazi*. Jil. 3. Jeddah: Maktabah al-Irsyad.
- al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad al-Ansari. 1988. *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. Jil. 4, Jil.6 & Jil. 7. 'Amman: Dar al-Fikr.
- al-Raghib al-Asfahani, Al-Husayn bin Muhammad Abu al-Qasim. 1992. *Mufradat Alfaz al-Quran*. Beirut: al-Dar al-Samiyah.
- al-Sabuni, Muhammad 'Ali. 1997. *Al-Nubuwwah wa al-Anbiya'*. Kaherah: Dar al-Salam li al-Tiba'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi' wa al-Tarjamah.

- Seyyed Hossein Nasr. 1993. *Muhammad Insan Kamil*. Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Tabari, Muhammad ibn Jarir Abu Ja'far. 2000. *Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Qur'an*. Jil. 13. Damsyik: Mu'assasah al-Risalah
- Wan Mohd. Saghir Abdullah. 1992. *Manhalusy Shafi Syeikh Daud al-Fathani Membicarakan Rumus-rumus Shufi dan Istilah-istilah Tasawuf*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- al-Zamakhshari, Muhammad ibn 'Umar Abu al-Qasim. 1997. *Al-Kasysyaf 'An Haqa'iq al-Tanzil wa 'Uyun al-'Aqawil Fi Wujuh al-Ta'wil*. Jil.1. Beirut: Dar 'Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- 

MOHD. SAFRI ALI, Ph.D.  
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam  
Universiti Sultan Zainal Abidin  
Kampus Gong Badak  
21300 Kuala Terengganu  
Terengganu, MALAYSIA.  
Emel: msafri@unisza.edu.my

MOHD FAUZI HAMAT, Ph.D.  
Jabatan Usuluddin dan Pemikiran Islam  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA.  
Emel: mfhamat@um.edu.my

BASRI IBRAHIM, Ph.D.  
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam  
Universiti Sultan Zainal Abidin  
Kampus Gong Badak  
21300 Kuala Terengganu  
Terengganu, MALAYSIA.  
Emel: basri@unisza.edu.my

MOHD SHAHRIL OTHMAN  
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam  
Universiti Sultan Zainal Abidin  
Kampus Gong Badak  
21300 Kuala Terengganu  
Terengganu, MALAYSIA.  
Emel: mohdshahril@unisza.edu.my